



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1 MENGENAI
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SABAH**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1 MENGENAI
AKTIVITI KEMENTERIAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI SABAH**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SABAH
TAHUN 2021**

1. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

2. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti kementerian/jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang

dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017.

3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022, manakala LKAN Tahun 2021 Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Sabah Tahun 2021 pula telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. LKAN tersebut dibentang setelah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN tersebut telah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 25 November 2022.
4. LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah meliputi satu aktiviti kementerian, dua aktiviti jabatan dan satu pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

4.1. Pengurusan Program Perumahan Rakyat di Negeri Sabah

- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

- a. Secara keseluruhannya, Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dibina bagi mencapai objektif program iaitu penempatan semula setinggan dan golongan berpendapatan rendah B40 dengan penyiapan 10 (83.3%) daripada 12 projek yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tujuh PPR telah diisi untuk penyewaan bagi menempatkan 2,884 penyewa daripada 3,495 unit rumah yang tersedia untuk disewa.
- b. Bagaimanapun, pencapaian keseluruhan objektif PPR tidak dapat dinilai kerana kajian mengenainya masih belum dilaksanakan.
- c. Selain itu, wujud kelemahan dalam aspek penyediaan klausa perjanjian *Management Company* dan penyenggaraan dokumen penyewaan. Ini menyebabkan pemantauan pengurusan PPR tidak dapat dijalankan sepenuhnya dengan berkesan.

4.2. Pengurusan Cerun Jalan Negeri dan Persekutuan di Sabah

- Jabatan Kerja Raya Sabah

- a. Secara keseluruhannya, pengurusan pembaikan cerun jalan Negeri dan Persekutuan di Sabah tidak diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif pengurusan cerun. Pada tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 65% hingga 85.3% daripada cerun yang disasarkan masih belum dibaiki, antaranya disebabkan peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi bagi membiayai keperluan sebenar membaiki kerosakan cerun jalan.
- b. Pencapaian keberhasilan pengurusan cerun jalan Negeri dan Persekutuan tidak dapat disemak disebabkan kajian keberhasilan tidak dijalankan secara menyeluruh.
- c. Terdapat juga kelemahan dalam pengurusan projek. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan di tapak projek mendapati kerosakan fizikal yang disebabkan tidak ada penyenggaraan rutin selepas projek siap. Ini memberi kesan kepada kestabilan dan kekuatan cerun jalan sekiranya tindakan pembaikan dan penyenggaraan tidak dilaksanakan.
- d. Sistem Amaran Awal (SAA) yang dipasang di lokasi cerun juga tidak dimanfaatkan.

4.3. Projek Transformasi Tenuusu Sabah

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah

- a. Secara keseluruhannya, Projek Transformasi Tenuusu Sabah oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (JPVS) untuk mencapai 95% SSL bagi tahun 2020 telah tercapai.
- b. Bagaimanapun, output projek iaitu kuantiti pengeluaran sebenar susu segar, jumlah populasi ternakan dan bilangan penternak serta pelaksanaan Program Pembangunan Industri Asas Ternakan (IAT) tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- c. Selain itu, pengurusan projek kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam aspek perolehan bibit baka ternakan, pembayaran balik hutang ternakan, penggunaan aset dan pengurusan kandang penternak.

4.4. Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.

- Kementerian Kewangan Negeri Sabah

- a. Secara keseluruhannya, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. (BDC) telah melaksanakan aktiviti pembangunan harta tanah sejajar dengan objektif penubuhan syarikatnya. Amalan tadbir urus korporat BDC memuaskan namun empat daripada sembilan amalan tadbir urus yang baik tidak diamalkan sepenuhnya. Antaranya, Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) syarikat tidak lengkap serta tidak menyeluruh yang boleh menyumbang kepada risiko kelemahan kawalan dalaman serta menyukarkan pemantauan oleh Lembaga Pengarah (LP).
 - b. Pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah baik kerana hasil jualan harta tanah telah menyumbang 85.2% (2018), 80.4% (2019) dan 70.8% (2020) daripada jumlah keseluruhan pendapatan syarikat.
 - c. Kedudukan kewangan BDC pula stabil dengan baki tunai dan kesetaraan tunai yang positif pada akhir tahun kewangan 2020 berjumlah RM21.65 juta. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2020, BDC masih merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM38.32 juta.
5. LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah meliputi satu aktiviti kementerian, dan dua pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:

5.1. Pengurusan Program *Sabah We Care* Pakej Bantuan Covid-19

Kerajaan Negeri Sabah

- Kementerian Kewangan Negeri Sabah

- a. Secara keseluruhannya, bantuan telah diagihkan selaras dengan objektif Program *Sabah We Care* untuk meringankan beban dan kesulitan rakyat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Sejumlah RM179.07 juta telah diagih/dibelanja di bawah Langkah 1,2,4 dan 5 yang memanfaatkan 392,819 Ketua Isi Rumah (KIR) dan 10 jabatan. Sejumlah RM159.12 juta (88.9%) untuk manfaat 372,813 (94.9%) KIR/jabatan telah diagihkan sepanjang tempoh kritikal iaitu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

- b. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program dari aspek perolehan, agihan dan penyelenggaraan dokumen.

5.2. Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd.

- Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah

- a. Secara keseluruhannya berdasarkan kepada skop pengauditan, objektif penubuhan Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. (SUDC) belum tercapai sepenuhnya, antara lain disebabkan tidak melaksanakan aktiviti promosi pembangunan harta tanah yang ditetapkan dalam objektif syarikat.
- b. Pencapaian output melalui prestasi fizikal pembangunan harta tanah adalah kurang cekap kerana hanya dua (22.2%) projek mampu dilaksanakan berbanding sembilan yang dirancang bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pencapaian prestasi jualan projek pembangunan harta tanah juga tidak cekap kerana kesemua lima lot kedai bernilai RM4.80 juta masih belum terjual setakat 31 Disember 2021. Dua projek usaha sama memberi pulangan dalam bentuk tunai dan unit harta tanah tetapi tidak menjana aliran tunai yang mencukupi bagi membiayai kos operasi syarikat.
- c. Kedudukan kewangan SUDC didapati kurang stabil kerana jumlah liabiliti yang semakin meningkat dan mengalami defisit tunai akhir tahun pada 2018, 2019 dan 2020 walaupun mencatatkan keuntungan selepas cukai berterusan dari tahun 2018 hingga 2020.
- d. Bagi aspek tadbir urus korporat, secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana hanya dua daripada sembilan aspek tadbir urus telah diamalkan sepenuhnya.

5.3. Sabah Livestock Dairies Breeder Sdn. Bhd.

- Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah.

- a. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan Sabah Livestock Dairies Sdn. Bhd. (SLDBSB) belum tercapai sepenuhnya. Pencapaian hasil pengeluaran susu dan jualan susu berbanding sasaran bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah kurang memuaskan dan memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat dari segi menyumbang kepada pendapatan syarikat secara keseluruhannya. Pengurusan ladang penternakan lembu tenusu adalah

kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek penyediaan infrastruktur ladang, keperluan makanan lembu tenusu, program kesihatan lembu tenusu dan perkhidmatan Veterinar.

- b. Kedudukan kewangan SLDBSB adalah kurang stabil dengan merekodkan kerugian terkumpul syarikat yang tinggi dan menjadikan kedudukan ekuiti syarikat dalam keadaan defisit.
 - c. SLDBSB bergantung kepada dana pendahuluan yang disalurkan oleh LKTNS bagi menampung kos operasi syarikat. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah pendahuluan yang telah diterima adalah RM38.02 juta dan merupakan hutang tertinggi syarikat (88.5%).
6. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sabah Tahun 2021 antara lainnya mengandungi perkara penting seperti berikut:

6.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- b. Bagaimanapun, tiga perkara dibangkitkan dalam Perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:
 - i. menyelesaikan perbezaan tidak dikenal pasti perekodan antara buku tunai dan penyata bank;
 - ii. menyiasat peningkatan tuntutan kerja pembaikan, penggantian dan penyenggaraan luar jangka di Jabatan Air Negeri Sabah yang tertungggak sejak tahun 2015 hingga 2021 disebabkan ketidakakurran pengurusan bayaran sertakekangan masa dan peruntukan. Perolehan yang tidak mematuhi peraturan kewangan perlu dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 59, iaitu tatacara pembayaran bagi perolehan dengan suci hati; dan

iii. menyelesaikan tuntutan bayaran pampasan tanah yang tertunggak melibatkan projek jalan raya Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) hingga Kesepuluh (RMKe-10) yang merupakan hak pemilik tanah bagi mengurangkan risiko dari dikenakan tindakan perundangan.

6.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri mencatatkan peningkatan sebanyak RM484.80 juta atau 16.5% kepada RM3.431 bilion pada tahun 2021 berbanding RM2.947 bilion pada tahun 2020.
- b. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan berjumlah RM931.57 juta, iaitu meningkat sebanyak RM1.866 bilion atau 199.7% berbanding defisit pada tahun 2020 yang berjumlah RM934.63 juta. Pada tahun 2021, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM5.450 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM1.859 juta atau 51.8% berbanding kutipan hasil pada tahun 2020 yang berjumlah RM3.591 bilion.
- c. Perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan sebanyak RM57.44 juta atau 1.6% kepada RM3.718 bilion pada tahun 2021 berbanding RM3.661 bilion pada tahun 2020.
- d. Pada tahun 2021, sejumlah RM1.119 bilion perbelanjaan pembangunan diluluskan dan sejumlah RM879.92 juta telah dibelanjakan (78.6%). Sebanyak 812 jumlah projek telah dirancang dalam tahun 2021 dan sebanyak 47 projek (5.8%) telah siap dilaksanakan, 367 projek (45.2%) sedang dilaksanakan dan 398 projek (49%) belum dilaksanakan.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM60.72 juta atau 4.5% daripada RM1.337 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.398 bilion pada tahun 2021.
- f. Jumlah hutang awam menurun sebanyak RM44.12 juta atau 1.7% menjadi RM2.612 bilion pada tahun 2021 berbanding RM2.656 bilion pada tahun 2020.

- g. Pada akhir tahun 2021, tunggakan hasil negeri mencatatkan peningkatan RM24.46 juta atau 4.4% kepada RM584.94 juta berbanding tunggakan tahun 2020 sejumlah RM560.48 juta.
7. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan dan pengurusan syarikat berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 16 syor Audit dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah; 14 syor Audit di dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Kementerian dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah; dan 12 syor Audit di dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Sabah Tahun 2021.
8. Laporan ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 25 November 2022 selepas jam 3.05 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

25 November 2022
30 Rabiulakhir 1444 H